

# DIOFLEX TABLET

Diosmin/hesperidin (450mg/50mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Dioflex
2. Bagaimana Dioflex berfungsi
3. Sebelum mengambil Dioflex
4. Cara menggunakan Dioflex
5. Semasa menggunakan Dioflex
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Dioflex
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Dioflex

Ia digunakan untuk buasir dan kelemahan pada vena kaki seperti gejala kaki berat, sakit, kekejangan kaki pada waktu malam dan vena bengkak atau menjadi besar yang boleh dilihat di bawah kulit.

## Bagaimana Dioflex berfungsi

Diosmin dan hesperidin adalah unsur-unsur bioflavonoid yang terdapat pada buah-buahan sitrus. Bioflavonoid menguatkan saluran darah, lalu mengurangkan kelemahannya. Ia juga mengurangkan inflamasi saluran darah dan mengekalkan aliran dalam saluran darah yang kecil.

## Sebelum mengambil Dioflex

### - Bila tidak boleh mengambil

- Jika mempunyai alahan terhadap diosmin, hesperidin, bioflavonoids atau ramuan lain Dioflex.

### - Sebelum menggunakan Dioflex

#### Mengandung dan menyusukan anak

Kajian makmal pada binatang tidak menunjukkan sebarang kecacatan janin. Tambahan pula, sehingga kini tiada kesan sampingan dilaporkan pada manusia. Menyusukan anak tidak disyorkan semasa rawatan dengan ubat ini..

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat. Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan Dioflex

### - Berapa banyak harus diambil

Serangan buasir jangka pendek: Oral, 3 tablet dua kali sehari untuk 4 hari, kemudian 2 tablet dua kali sehari. Serangan buasir jangka panjang dan kelemahan vena: Oral, 2 tablet setiap hari dengan makanan, tengah hari dan petang. Penggunaan kanak-kanak: Keselamatan

dan keberkesanan belum disahkan lagi.

### - Bila perlu diambil

Ambil Dioflex dua kali sehari atau mengikut arahan doktor anda. Anda perlu semak dengan doktor atau ahli farmasi anda jika tidak pasti.

### - Berapa lama perlu diambil

Anda perlu semak dengan doktor atau ahli farmasi anda. Sila hubungi doktor anda jika gejala-gejala buasir tidak hilang dalam masa 2 minggu.

### - Jika terlupa mengambil

Gunakan dos sebaik sahaja teringat. Walau bagaimanapun, jikalau menghampiri masa untuk dos yang seterusnya, abaikan dos yang terlepas. Jangan mengambil dos berganda sebagai gantian dos yang terlepas.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika terlebih mengambil dos Dioflex, hubungi doktor, jabatan kecemasan atau pusat racun dengan segera. Gejala-gejala terlebih dos adalah seperti ketidakselesaan gastrousus yang ringan.

## Semasa menggunakan Dioflex

### - Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor ubat yang anda sedang ambil.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan memberi ubat ini kepada sesiapa walaupun gejala-gejala penyakit mereka serupa, kerana ini mungkin mendatangkan mudarat.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Jikalau anda hamil, menjadi hamil atau menyusukan anak semasa rawatan, anda tidak patut mengambil Dioflex, kecuali diarahkan oleh doktor. Doktor anda akan mempertimbangkan manfaat dan risiko rawatan kepada anda dan bayi anda.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Dioflex boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Sila berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas mengambil ubat ini.

Gangguan gastrousus dan autonomik (akibat penghadaman, pernafasan, peredaran darah) ringan pernah dilaporkan. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-

78835550, atau laman web

[npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

## Cara penyimpanan dan pelupusan Dioflex

### - Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, di bawah 30°C. Jauhkan daripada cahaya. Jauhkan daripada kanak-kanak.

### - Pelupusan

Dapatkan nasihat ahli farmasi cara pelupusan ubat yang tidak diperlukan.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Tablet bersalut filem yang berwarna oren, segiempat bujur, dwicembung dan berskor atas.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: diosmin dan hesperidin.
- Bahan tidak aktif: lactose monohydrate, polyvinylpyrrolidone, magnesium stearate, croscarmellose sodium, hydroxypropyl methylcellulose, talc, titanium dioxide, sunset yellow lake, quinoline yellow lake, carbowax 6000, simethicone 70460, aerosil 200 dan air.

### - Nombor MAL:

MAL20002525X

## Pengilang dan Pemegang pendaftaran produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
1505, Lorong Perusahaan Utama 1  
Taman Perindustrian Bukit Tengah  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,  
Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

04/05/2017

## Nombor siri:

BPFK(R4/1)030517/00092